

D.R. 10/2009

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Pindaan) 2009.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

Pindaan tajuk panjang

2. Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 [*Akta 539*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan tajuk panjang dengan tajuk panjang yang berikut:

"Suatu Akta bagi penubuhan Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan dan penubuhan dan pemerbadanan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia dan perkara yang berkaitan dengannya."

Pindaan seksyen 1

3. Seksyen 1 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995" dengan perkataan "Akta Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia 1995".

Pindaan seksyen 2

4. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong takrif "aktiviti pengilangan";
- (b) dengan memotong takrif "industri kecil dan sederhana";
- (c) dalam takrif "Kumpulan Wang", dengan menggantikan perkataan "Kumpulan Wang Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana" dengan perkataan "Kumpulan Wang Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana";
- (d) dengan memasukkan selepas takrif "Kumpulan Wang" takrif yang berikut:

' "Majlis" ertinya Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 2A;';

- (e) dengan memasukkan selepas takrif "Menteri" takrif yang berikut:

' "Pengerusi" ertinya Pengerusi Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia;';

- (f) dalam takrif "Perbadanan", dengan menggantikan perkataan "Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana" dengan perkataan "Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia"; dan

- (g) dengan memasukkan selepas takrif "Perbadanan" takrif yang berikut:

' "perusahaan kecil dan sederhana" ertinya perusahaan sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.'

Bahagian baru IA

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian I Bahagian yang berikut:

"BAHAGIAN IA

MAJLIS

Penubuhan Majlis

2A. (1) Suatu badan yang dikenali sebagai "Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan" ditubuhkan.

(2) Matlamat Majlis adalah untuk memastikan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana secara menyeluruh dan terselaras yang merentasi semua sektor ekonomi.

Keanggotaan Majlis

2B. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Perdana Menteri sebagai Pengerusi;
- (b) Menteri;
- (c) Menteri Kewangan;
- (d) Menteri yang bertanggungjawab bagi pertanian dan industri asas tani, atau wakilnya;
- (e) Menteri yang bertanggungjawab bagi sumber manusia, atau wakilnya;
- (f) Menteri yang bertanggungjawab bagi sains, teknologi dan inovasi, atau wakilnya;
- (g) Menteri yang bertanggungjawab bagi kemajuan luar bandar dan wilayah, atau wakilnya;
- (h) Menteri yang bertanggungjawab bagi pengajian tinggi, atau wakilnya;
- (i) Menteri yang bertanggungjawab bagi pelancongan, atau wakilnya;

Rang Undang-Undang

- (j) Merited yang bertanggungjawab bagi perdagangan dalam negeri, koperasi dan kepenggunaan, atau wakilnya;
- (k) Menteri yang bertanggungjawab bagi perusahaan perladangan dan komoditi, atau wakilnya;
- (l) seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri, atau wakilnya;
- (m) Menteri Kerajaan Negeri Sabah yang bertanggungjawab bagi pembangunan dan industri di Sabah, atau wakilnya;
- (n) Menteri Kerajaan Negeri Sarawak yang bertanggungjawab bagi pembangunan dan industri di Sarawak, atau wakilnya;
- (o) Ketua Setiausaha Negara, atau wakilnya;
- (p) Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, atau wakilnya; dan
- (q) Gabenor Bank Negara Malaysia, atau wakilnya.

(2) Sebagai tambahan kepada orang yang disebut dalam subseksyen (1), Pengerusi boleh melantik orang yang berikut sebagai anggota Majlis:

- (a) seorang wakil daripada persatuan yang berkaitan dengan perusahaan kecil dan sederhana;
- (b) seorang wakil daripada sektor pembuatan;
- (c) seorang wakil daripada sektor perkhidmatan;
- (d) seorang wakil daripada sektor pertanian; dan
- (e) apa-apa bilangan orang lain.

(3) Anggota yang disebut dalam perenggan (2) (a), (b), (c), (d) dan (e)—

- (a) hendaklah dilantik oleh Pengerusi bagi tempoh yang tidak melebihi dua tahun; dan
- (b) adalah layak untuk dilantik semula selepas habis tempoh jawatannya.

(4) Perbadanan hendaklah bertindak sebagai Urus Setia kepada Majlis.

Fungsi Majlis

2c. (1) Majlis hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk merumuskan dasar dan strategi umum untuk memudahkan pembangunan keseluruhan perusahaan kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi;
- (b) untuk mengkaji semula peranan dan tanggungjawab kementerian dan agensi Kerajaan yang berhubungan dengan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi;
- (c) untuk mempertingkatkan kerjasama dan penyelarasan, serta membimbing kementerian dan agensi Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan akan dasar pembangunan dan pelan tindakan bagi perusahaan kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi;
- (d) untuk menggalakkan dan mengukuhkan peranan sektor swasta dalam menyokong pembangunan keseluruhan perusahaan kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi; dan
- (e) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberikan kepada Majlis di bawah Akta ini.

(2) Majlis boleh, dari semasa ke semasa, memberikan arahan kepada Perbadanan yang selaras dengan peruntukan Akta ini dan Perbadanan hendaklah melaksanakan arahan itu.

(3) Majlis boleh melaksanakan apa-apa fungsi lain yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada mana-mana fungsi yang dinyatakan dalam subseksyen (1) dan membuat segala benda sebagaimana yang perlu atau suai manfaat untuk menjalankan fungsinya di bawah Akta ini.

(4) Majlis hendaklah bermesyuarat apabila suatu mesyuarat diadakan oleh Pengerusi Majlis tetapi tidak kurang daripada sekali setahun.

(5) Majlis boleh menentukan tatacaranya sendiri."

Pindaan seksyen 3

6. Seksyen 3 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana" dengan perkataan "Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia".

Pindaan seksyen 4

7. Seksyen 4 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Perbadanan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi yang hendaklah seorang wakil Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- (c) seorang wakil Kementerian Kewangan;
- (d) seorang wakil Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
- (e) tiga wakil daripada dewan perniagaan;
- (f) seorang wakil daripada sektor pembuatan;
- (g) seorang wakil daripada sektor perkhidmatan;
- (h) seorang wakil daripada sektor pertanian;
- (i) Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan; dan
- (j) mana-mana anggota yang lain, tidak melebihi enam orang, sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri."

Penggantian seksyen 12

8. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 12 dengan seksyen yang berikut:

"Fungsi Perbadanan

12. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menyelaraskan, mengawasi dan menilai pelaksanaan dasar, strategi dan program bagi perusahaan kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi selaras dengan matlamat Majlis;
- (b) untuk menjalankan kajian yang berkaitan dengan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi;
- (c) untuk bekerjasama dengan kementerian dan agensi Kerajaan dalam pelaksanaan dasar, strategi dan program bagi perusahaan kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi;
- (d) untuk menjadi pusat pengumpulan, rujukan dan penyebaran maklumat berhubung dengan perusahaan kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi;
- (e) untuk memberikan laporan tahunan mengenai perusahaan kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi kepada Majlis;
- (j) untuk bertindak sebagai Urus Setia kepada Majlis; dan
- (g) dalam sektor pengilangan dan perkhidmatan—
 - (i) untuk menjalankan aktiviti promosi bagi menggalakkan pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana;
 - (ii) untuk menggalakkan kerjasama di kalangan perusahaan kecil dan sederhana;
 - (iii) untuk menggalakkan perhubungan industri dengan industri besar; dan

- (iv) untuk membangunkan sumber manusia dalam perusahaan kecil dan sederhana.

(2) Bagi maksud seksyen ini, "perkhidmatan" ertinya semua perkhidmatan kecuali perbankan, insurans, hartanah dan urusan berniaga dalam sekuriti."

Pindaan seksyen 13

9. Seksyen 13 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

"(c) untuk menubuhkan, menyenggarakan menguruskan suatu pangkalan data dan sistem maklumat mengenai perusahaan kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi yang termasuk profil, data ekonomi dan statistik mengenai program pembangunan daripada mana-mana kementerian atau agensi;"

- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

"(da) untuk memberikan pemberian atau bantuan kewangan lain kepada perusahaan kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi;

(db) untuk menghendaki pemberian maklumat oleh perusahaan kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi mengenai perkara yang berhubungan dengan perniagaan mereka selain maklumat yang tiada anggota, pegawai, pekerja, ejen atau orang lain, melalui apa-apa cara, mempunyai akses kepada maklumat itu;

(dc) untuk membangunkan perusahaan kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi;" dan

- (c) dalam perenggan (e), dengan menggantikan perkataan "industri kecil dan sederhana" dengan perkataan "perusahaan kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi".

Seksyen baru 14A

10. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 14 seksyen yang berikut:

"Kuasa untuk memberikan pinjaman

14A. Pada melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya, Perbadanan boleh memberikan pinjaman bagi apa-apa maksud sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan, dan pinjaman sedemikian boleh diberikan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan oleh Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, patut dikenakan dalam hal-hal tertentu."

Seksyen baru 17A

11. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 17 seksyen yang berikut:

"Kuasa untuk menubuhkan syarikat

17A. Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, menubuhkan syarikat-syarikat dengan apa-apa nama yang ditentukan oleh Perbadanan untuk menjalankan dan untuk menjaga, mengelolakan dan menguruskan bagi pihak Perbadanan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang ditentukan oleh Perbadanan pada melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya."

Pindaan seksyen 18

12. Seksyen 18 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Kumpulan Wang Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Kumpulan Wang Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana".

Pindaan seksyen 19

13. Seksyen 19 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

"(da) pembayaran pemberian atau bantuan kewangan lain di bawah Akta ini;

(db) pemberian pinjaman di bawah seksyen 14A;"

Pindaan Jadual

14. Jadual kepada Akta ibu dipinda—

(a) dalam subperenggan 1(1), dengan menggantikan perkataan "empat" dengan perkataan "satu pertiga daripada jumlah bilangan anggota Perbadanan"; dan

(b) dalam subperenggan 2(3), dengan menggantikan perkataan "Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana" dengan perkataan "Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia".

Peruntukan kecualian dan peralihan

15. (1) Semua sebutan mengenai Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia 1995.

(2) Pertukaran nama "Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana" kepada "Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia" apabila Akta ini mula berkuat kuasa tidaklah menyentuh apa-apa hak atau obligasi Perbadanan atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya, dan apa-apa prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan olehnya atau terhadapnya sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini bolehlah diteruskan atau dimulakan di bawah namanya yang baru.

(3) Semua tindakan, peraturan, perintah, arahan, pemberitahuan, kelulusan, keputusan, garis panduan dan tindakan eksekutif yang lain yang dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau mengikut,

atau menurut kuasa Akta ibu sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah disifatkan telah dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, peruntukan yang bersamaan yang dimasukkan atau dipinda oleh Akta ini, dan hendaklah terus mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya berhubung dengan orang yang baginya ia terpakai sehingga dipinda, dimansuhkan atau dibatalkan di bawah, mengikut, atau menurut kuasa, peruntukan yang bersamaan yang dimasukkan atau dipinda oleh Akta ini.

(4) Semua wang yang terkandung dalam atau yang kena dibayar kepada Kumpulan Wang Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana yang ditubuhkan di bawah seksyen 18 Akta ibu hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, dipindahkan ke dalam dan disifatkan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana.

(5) Semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang disempurnakan oleh Perbadanan di bawah meterai perbadanan "Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana" sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah terus mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya apabila Akta ini mula berkuat kuasa.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 ("Akta 539").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta 539 untuk menggambarkan matlamat utama baru Akta iaitu untuk menubuhkan Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia. Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan akan menjadi badan penggubal dasar yang tertinggi bagi pembangunan perusahaan kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 1 Akta 539 untuk meminda tajuk ringkas Akta 539. Akta tersebut akan dikenali selepas ini sebagai "Akta Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia 1995".

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 539 untuk memasukkan takrif "Pengerusi", "Majlis" dan "perusahaan kecil dan sederhana". *Fasal* ini juga bertujuan untuk meminda takrif "Perbadanan" dan "Kumpulan Wang". Takrif "aktiviti pengilangan" dan "industri kecil dan sederhana" juga dipotong melalui *fasal* ini.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru IA ke dalam Akta 539 untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan, keanggotaan dan fungsi Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 539 untuk mengubah nama Perbadanan. Perbadanan akan dikenali sekarang sebagai "Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia".
8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 4(1) Akta 539 untuk memasukkan wakil daripada dewan perniagaan, sektor pembuatan, sektor perkhidmatan dan sektor pertanian sebagai anggota Perbadanan.
9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta 539 untuk menyenaraikan fungsi baru Perbadanan yang lebih luas.
10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 539 untuk memperluas kuasa Perbadanan yang sekarang termasuk kuasa untuk membangunkan perusahaan kecil dan sederhana, kuasa untuk memberikan pemberian dan kuasa untuk menghendaki pemberian maklumat oleh perusahaan kecil dan sederhana. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperbaiki dan memperjelas kuasa sedia ada Perbadanan yang diberikan di bawah seksyen 13.
11. *Fasal 10* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 14A ke dalam Akta 539 untuk memberi Perbadanan kuasa untuk memberikan pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana.
12. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 17A ke dalam Akta 539 untuk memberi Perbadanan kuasa untuk menubuhkan syarikat.
13. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta 539 untuk mengubah nama Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen itu. Kumpulan Wang itu sekarang akan dikenali sebagai "Kumpulan Wang Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana".
14. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 19 Akta 539 untuk membenarkan Kumpulan Wang dibelanjakan untuk pembayaran pemberian dan pemberian pinjaman.
15. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda subperenggan 1(1) Jadual kepada Akta 539 dengan menggantikan kuorum bagi suatu mesyuarat Perbadanan daripada empat anggota kepada satu pertiga daripada jumlah bilangan anggota Perbadanan. Ia juga bertujuan untuk meminda subperenggan 2(3) berbangkit daripada perubahan nama Perbadanan.
16. *Fasal 15* mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan.

*Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan
Sederhana (Pindaan)*

13

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U³)2663]